

**KENYATAAN YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

**MESYUARAT MAJLIS PENUH
19 DISEMBER 2018**

.....

1. SAMBUTAN TAHUN BAHARU 2019

Saya ingin mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2019 kepada Ahli-Ahli Majlis, ketua-ketua jabatan, rakan-rakan media, kakitangan MPSP dan seluruh warga Seberang Perai. Sukacitanya saya ingin umumkan 1 Januari 2019 (Selasa) adalah merupakan hari cuti umum.

MPSP telah mengistiharkan tahun 2019 sebagai *People Centric Year* semasa pembentangan Budget 2019 pada 25 September 2018. *People centric 2019* akan memberi penekanan kepada kecekapan dan kepantasan penyampaian perkhidmatan melalui penggunaan teknologi IoT, cloud computing serta penerokaan Industri 4.0. MPSP akan mengadakan berbagai-bagai program santai, senamsihat dan pendidikan alam sekitar yang memberi penumpuan kepada penglibatan remaja dan warga emas. MPSP juga akan memudahcara Pembangunan Ekonomi Setempat (LED), melalui penyediaan garis panduan yang memudahkan mereka memulakan perniagaan kecil, truck perniagaan dan perkhidmatan dan pemberian lesen serta merta di kaunter bagi

perniagaan yang tidak berisiko.

MPSP akan memberi insentif fast track dalam memproses dan meluluskan plan pembangunan yang bercirikan hijau supaya Seberang Perai Resilient serta menjadi tarikan eko-pelancongan. MPSP juga telah menubuhkan skuad pengendalian krisis untuk memerangi wabak denggi yang menjadi isu besar di Seberang Perai baru-baru ini. MPSP tidak pernah melupakan golongan warga emas yang telah banyak berbakti membangunkan Seberang Perai, oleh itu program Forest Bathing dan Fun Walk bersama keluarga yang terbukti diminati akan terus dipergiatkan pada tahun 2019. Saya amat-amat berharap tahun baharu 2019, Seberang Perai akan terus maju ke arah kecemerlangan di peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa.

2. SAMBUTAN HARI NATAL

Saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Natal kepada semua penduduk Seberang Perai yang menganut agama kristian . Hari Natal disambut pada 25 Disember 2018 (Selasa) dan hari tersebut merupakan hari cuti umum.

3. PROGRAM TEMASYA BAGAN @ BUTTERWORTH ART WALK DISEMBER 2018

Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Think City Sdn. Bhd. dengan kerjasama Zart Eventive akan menganjurkan Program Temasya Bagan di Butterworth Art Walk pada 29 Disember 2018 (Sabtu) di Lorong Bagan Luar 2, Butterworth. Sambutan bagi bulan Disember 2018 bertemakan 'Temasya Nostalgia: Retro Ria'. Program bermula 3.00 petang sehingga 11.00 malam.

Temasya Bagan juga adalah salah satu platform yang dapat membuka ruang kepada komuniti dengan pelbagai komponen *education and awareness* dari segi seni, budaya dan warisan tempatan. Program ini mengetengahkan konsep mesra keluarga dan santai ilmu selain aktiviti sihat sebagai salah satu pengisian program. Pelbagai pengisian program bagi Temasya Bagan Disember iaitu pameran vintage car, pameran vespa, pameran barangan antik, peraduan mewarna kanak-kanak, aerobic ria fitness, pertandingan busana retro, DJ Jiman Casablancas car booth sales, dan jualan makanan dan minuman.

4. SAMBUTAN HARI THAIPUSAM

Di kesempatan ini juga, saya turut ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Thaipusam kepada penduduk Seberang Perai yang menganut agama Hindu. Hari Thaipusam disambut pada 21 Januari 2019 (Isnin) dan hari tersebut merupakan hari cuti umum.

5. MPSP CAR FREE MORNING PADA 6 JANUARI 2019 (AHAD)

Dimaklumkan bahawa program sihat MPSP akan diadakan pada 6 Januari 2018 (Ahad) di Jalan Todak 2 dan 3, Seberang Jaya bermula 7.30 pagi hingga 12.00 tengah hari. Tema pada kali ini adalah Sambutan Tahun Baru.

Selain daripada itu, terdapat aktiviti senamrobik yang lebih santai, pemeriksaan kesihatan, pameran perkhidmatan MPSP dan lain-lain lagi acara menarik. Semua penduduk Seberang Perai dijemput hadir bagi memeriahkan program ini.

6. GROWTH MARKET, AUTOCITY

Dimaklumkan bahawa Program Growth Market akan diadakan pada 13 Januari 2019 di Autocity, Juru bermula jam 8.00 pagi hingga 12 tengah hari. Program ini diadakan setiap Ahad minggu kedua, program ini bertujuan mewujudkan kesedaran kepada

pengunjung mengenai kesedaran kitar semula dan penanaman secara organik. Ianya selari dengan Pelan Strategi Seberang Perai 2018-2022, MPSP mensasarkan Seberang Perai akan menjadi Bandaraya Rendah Karbon menjelang tahun 2022.

Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah jualan produk berasaskan barangan kitar semula, sayur-sayuran organik, pameran kesihatan dan pameran LA 21 (Local Agenda 21). Program ini secara tidak langsung dapat membantu penduduk mencari pendapatan sampingan. Sehubungan dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta dalam program ini.

7. SENAMROBIK BERSAMA MPSP

Dimaklumkan Program Senamrobik Bersama MPSP di Padang Pemuda Merdeka, Butterworth yang juga dikenali sebagai Padang Bandaran MPSP akan diadakan pada 20 Januari 2019 (Ahad). Manakala Senamrobik di Taman Berjaya, Nibong Tebal akan diadakan pada 27 Januari 2019 (Ahad). Sehubungan dengan itu, semua penduduk Seberang Perai adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi.

8. KARNIVAL 8R BERSAMA JCI (JUNIOR CHAMBER INTERNATIONAL) BATU KAWAN

Dimaklumkan setiap Ahad minggu terakhir akan diadakan Karnival 8R anjuran bersama JCI Batu Kawan. Karnival 8R ini akan dijalankan pada 27 Januari 2019, diadakan di Pasar Awam Kota Permai. Tujuan Karnival ini diadakan adalah untuk mewujudkan kesedaran akan kepentingan penggunaan bijak (smart consumption) bagi penjagaan alam sekitar demi masa hadapan. 8R yang dimaksudkan adalah Rethink, Refuse, Reduce, Re-use, Repair, Re-gift, Recover dan Recycle.

SEKIAN, TERIMA KASIH.